

Penggunaan Rutin Berfikir Bagi PdP Interaksi Lisan Melalui Portal SLS

Safura Mohd Shariff

safura_mohd_shariff@schools.gov.sg

Juliana Johari

juliana_johari_@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Qihua

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran murid berfikir dan mencerna idea secara lebih tersusun dan sistematik. Kajian ini menggunakan portal Ruang Pembelajaran Pelajar atau *Student Learning Space* (SLS) “*live lesson*” yang dapat membina keupayaan murid untuk menjana idea dengan lebih berstruktur melalui rutin Lihat-Fikir-Tanya. Kajian ini mampu menyokong pembelajaran dan pengajaran (PdP) dengan berkesan kerana pada setiap peringkat pengajaran, murid terlibat secara aktif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa gabungan PdP dengan ICT dapat merangsang murid untuk lebih fokus dan terdorong bagi memperbaiki pencernaan dan susunan idea mereka. Rakaman pembelajaran murid dapat memantau pembelajaran murid secara bertahap dan sistematik.

Kata Kunci: kemahiran berfikir, menjana idea, keyakinan bertutur, SLS, ICT

PENGENALAN

Interaksi lisan adalah salah satu komponen dalam peperiksaan yang merangkumi jumlah markah yang agak besar. Penggunaan portal SLS di mana penggunaan “*live lesson*” merupakan satu pendekatan pengajaran yang telah dijalankan oleh guru Darjah 5.

Portal ini memberi peluang kepada murid untuk merancang pemikiran secara bertahap dan berstruktur. Keupayaan berfikir secara kritis dan berperingkat dapat dilihat melalui komen di dalam wadah “*live*”. Murid akan diminta memproses pemikiran mereka terlebih dahulu bagi mencetuskan idea dan berkemampuan untuk menjawab soalan yang diajukan dengan baik. Penggunaan portal SLS ini juga didapati membantu murid memberikan maklum balas dan menilai respons rakan serta melontar soalan jika terdapat keraguan. Guru pula berperanan memberikan maklum balas semasa pembelajaran sedang berlangsung. Dalam platform ini juga, guru dapat mengecam kelemahan murid pada setiap tahap rutin berfikir. Kaedah pembelajaran ini adalah lanjutan daripada kajian pembelajaran Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV) rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya. Guru-guru Sekolah Rendah Qihua telah mendedahkan rutin berfikir ini terlebih dahulu kepada murid sebagai dasar sebelum portal SLS dijalankan bagi memperkaya kemampuan murid agar penyampaian lisan mereka lebih terarah.

PERNYATAAN MASALAH

Tuntutan peperiksaan lisan memerlukan murid menjana idea, berkongsi maklumat dan pendapat setelah menonton klip video. Murid bukan sahaja perlu memahami dan mendalami klip video tersebut bahkan harus berusaha mengaplikasikan pemikiran yang kritis untuk menjawab apa sahaja soalan yang dilontarkan oleh pemeriksa.

Secara khusus, murid perlu dilatih supaya dapat berfikir secara kritis terlebih dahulu agar berupaya menjana idea dalam perbualan lisan. Keupayaan murid membina dan menyampaikan idea yang bernas sewaktu menjelaskan kandungan klip harus dibimbing dan diasah oleh guru.



Penilaian yang tidak tepat pada masanya bagi menyemak pengetahuan dan pemahaman murid adalah antara sebab mengapa kajian ini dijalankan. Guru perlu mengambil masa memberi maklum balas, menyemak pemahaman dan mengecam kelemahan murid tentang sesuatu topik perbualan. Lazimnya, maklum balas yang diberikan secara am dan tidak individu dan selalunya selepas sesi peperiksaan lisan.

Penggunaan portal SLS mampu memberikan penyelesaian pada perkara-perkara yang disebutkan tadi. Oleh yang demikian, portal ini berupaya mengasah kemahiran lisan dengan lebih tuntas terutama bagi pelajar yang mengambil masa menjana idea, yang bersifat pemalu dan bermasalah dalam menyampaikan buah fikiran mereka serta perbualan yang tidak tersusun.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. membina keupayaan murid menjana idea yang lebih berstruktur melalui rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya;
2. membina pemikiran kritis dengan penggunaan portal SLS bagi menyemak pemahaman dan merapatkan jurang kelemahan murid melalui maklum balas guru dan rakan-rakan; dan
3. meneliti dan memahami maklum balas guru bagi meningkatkan kemahiran interaksi lisan dengan lebih berstruktur.

KAJIAN LEPAS

Siti Hajar Abdul Aziz (2000) menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua orang. Usaha untuk melengkapkan murid dengan kemahiran dan kecekapan lisan merupakan satu cabaran. Oleh itu, pengajaran lisan tidak hanya sekadar menekankan proses pertuturan yang baik sahaja tetapi proses yang memerlukan struktur standard yang dapat membimbing murid untuk bertutur dengan teratur dan padat.



Menurut Ritchart et al. (2011), rutin berfikir dibentuk bagi meningkatkan kebolehan dan memperbaiki sikap terhadap pembelajaran serta membina kecerdasan untuk berfikir. Selain itu, dapatan kajian Ritchart menyatakan pendekatan menjadikan pemikiran jelas melalui rutin berfikir berkesan dalam memandu pemikiran murid memproses maklumat secara aktif. Bahkan tahap pemikiran dan cara peluasan idea murid dapat ditingkatkan. Ini akan membolehkan guru menilai dan memahami pemikiran murid dengan lebih jelas.

Sehubungan dengan ini, integrasi ICT dalam pembelajaran juga semakin mendapat perhatian guru. Seajar dengan perkembangan teknologi yang semakin meluas, perancangan yang teliti, matlamat pengajaran dan pelibatan murid yang aktif beserta dengan integrasi ICT dianggap sebagai satu kolaborasi yang saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini juga yang ditekankan oleh Kagan (1991) dan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994).

Atas dasar ini, satu usaha intervensi menggunakan portal SLS diperkenalkan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Sememangnya, murid lebih berminat belajar menggunakan peranti dan perisian ICT. Guru Darjah 5 mengambil pendekatan ini dengan melakarkan dan menambah nilai pembelajaran melalui portal SLS.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan portal SLS. Portal SLS ini telah dijalankan beberapa kali. Prestasi murid diambil daripada keputusan lisan bahagian perbualan dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Prestasi murid dalam kedua-dua peperiksaan ini diambil sebagai kayu ukur bagi penambahbaikan dalam kajian ini.

Murid telah pun didedahkan kepada rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT) sebagai strategi pembelajaran Bahasa Melayu. Rutin berfikir LFT telah menjadi budaya di dalam bilik darjah untuk merangsang murid menjana idea dalam pelbagai aspek bahasa seperti karangan, kefahaman dan lisan.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 49 orang murid Darjah 5 yang mempunyai pelbagai aras kebolehan. Jadual 1 menunjukkan taburan kumpulan subjek kajian yang dipilih.

Jadual 1: Jumlah Subjek Kajian

Kelas 1	Kelas 2
27 orang murid, Melebihi Aras Kebolehan	22 orang murid, Pada Aras Kebolehan

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan rutin berfikir LFT untuk membantu murid berfikir secara sistematik, mendalam dan sendiri. Guru menggunakan portal SLS sebagai wadah untuk murid berkongsi idea dan membantu rakan dengan memberikan respons. Dengan ini, mereka dapat mengembangkan idea apabila rakan memberikan maklum balas ketika pembelajaran sedang berlangsung. Pada masa yang sama, penilaian dan maklum balas guru berjalan serentak semasa sesi pengajaran sedang berlangsung.

Keupayaan murid dinilai dari segi pengupasan dan pengembangan idea semasa menjawab soalan lisan. Kekuatan portal SLS ialah murid dapat melihat hasil kerja mereka dan rakan-rakan secara spontan apabila dipaparkan di papan putih. Maklum balas rakan sebaya dapat memberi murid idea untuk memperbaiki hasil kerja mereka. Secara tidak langsung, aktiviti penilaian rakan sebaya ini dapat dijadikan wahana untuk memberi dan mendapatkan maklum balas di samping melatih murid untuk mengenal pasti perkara penting yang diperlukan dalam proses berinteraksi secara lisan. Respons murid ditekankan dan dijadikan penanda tahap keyakinan pelajar. Contoh maklum balas murid dalam portal SLS terdapat dalam Rajah 1 di bawah ini.



Rajah 1: Contoh Maklum Balas Murid Dalam Portal SLS



Pada setiap peringkat rutin berfikir LFT, murid akan menaipkan respons mereka. Guru dan rakan akan menilai respons dan memberikan maklum balas yang sepatutnya agar dapat menambah nilai isi respons murid. Melalui respons yang diberikan murid, guru dapat melihat sama ada murid di kelas sudah bersedia untuk ke peringkat rutin berfikir LFT yang seterusnya. Sekiranya respons murid tidak menepati tahap rutin berfikir LFT, guru boleh mengulangi pengajaran agar murid dapat menggarap rutin berfikir LFT dengan lebih baik.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah dijalankan sepanjang Penggal 2 dan 3. Kajian utama dilakukan dalam masa kurikulum yang melibatkan pelaksanaan selama 3 sesi bagi setiap kelas. Setiap sesi mengambil masa 3 waktu di mana pengajaran secara berstruktur dititikberatkan untuk mendedahkan murid kepada portal SLS. Keberkesanan penggunaan ICT kemudian dilihat dalam pengajaran semasa murid dan rakan sebaya memberikan respons. Pengajaran kemahiran interaksi lisan dilakukan secara berperingkat bermula dari penulisan di kertas sebelum kemudian beralih ke portal SLS.

Murid diminta terlebih dahulu menonton klip video untuk mengenal pasti




tema dan idea utama. Secara bertahap peralihan bermula ke penggunaan ICT seperti mana yang disebutkan terlebih dahulu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Antara dapatan kajian yang ketara ialah dalam aspek peluasan ayat yang diberikan murid. Murid didapati berfikir terlebih dahulu dengan lebih mendalam sebelum memberi idea mereka di portal SLS. Ini sudah tentu membantu mereka semasa sesi pertuturan dijalankan kerana mereka sudah dapat menyusun idea mereka sebelum menjawab soalan-soalan lisan. Guru juga dapat “melihat” murid berfikir dan sekiranya terdapat kekurangan pada isi respons, guru boleh membantu memberikan lebih rangsangan.

Dapatan kajian menunjukkan prestasi murid sebelum melalui kaedah pengajaran rutin berfikir LFT dan portal SLS. Prestasi murid menunjukkan peningkatan antara peperiksaan pertengahan tahun (MYE) dan peperiksaan akhir tahun (EYE). Rajah 2 dan Rajah 3 menunjukkan peningkatan markah murid bagi komponen isi dalam peperiksaan MYE dan EYE lisan. Rajah 4 dan Rajah 5 pula menunjukkan peningkatan markah murid bagi komponen respons dalam peperiksaan MYE dan EYE lisan.


Rajah 2: Markah Lisan Bagi Isi Perbualan SA1 Dan SA2 (Kelas 1)




Rajah 3: Markah Lisan Bagi Isi Perbualan SA1 Dan SA2 (Kelas 2)



Rajah 4: Markah Lisan Bagi Respons Perbualan SA1 Dan SA2 (Kelas 1)



Rajah 5: Markah Lisan Bagi Respons Perbualan SA1 Dan SA2 (Kelas 2)



Berdasarkan markah isi dan respons untuk kedua-dua kelas, terdapat peningkatan dalam prestasi murid pada akhir tahun. Lebih 90% murid berjaya meraih peningkatan dalam memberikan respons yang sesuai. Ramai murid berjaya meningkatkan prestasi mereka dalam memberikan isi dan respons yang lebih baik dalam peperiksaan lisan.



KESIMPULAN

Kajian pengajaran ini dapat dicapai kerana murid dapat menggunakan rutin berfikir LFT dengan berkesan. Kemahiran interaksi lisan dapat diraih dengan cemerlang dengan menyesuaikan dan mengadaptasikan profil murid mengikut perkembangan teknologi. Secara langsung PdP dapat dijalankan dengan seronok dan di dalam persekitaran yang selesa serta selamat. Berdasarkan kolaborasi ini, murid berkeyakinan semasa berinteraksi dengan guru dan rakan mereka. Matlamat pembelajaran secara sendiri juga dapat dicapai. Berdasarkan penelitian guru, murid didapati tekun dan menunjukkan kesungguhan serta keseronokan sewaktu menjalankan aktiviti menggunakan portal SLS. Penggunaan portal SLS merupakan cabang penyaluran persiapan murid terhadap pesatnya penggunaan ICT. Selain itu, penggunaan rutin berfikir LFT dalam portal SLS dapat menarik minat murid dan merangsang minda mereka. Gabungan penggunaan rutin berfikir LFT dan portal SLS yang diterapkan dalam PdP harus digalakkan bagi mempertingkatkan keupayaan murid dalam kemahiran interaksi lisan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nur Hafizah Abd Rahim

RUJUKAN

- Robert J. Marzano dan Debra J. Pickering, (2005). *Building academic vocabulary: Teachers manual*. USA: ASCD.
- McKeown, M. G., dan Beck, I.L., (2004). Direct and rich vocabulary instruction dalam *Practice* hlm 13-27. New York: Guilford Press.
- Harlow, H. F. (1983). Fundamentals for preparing psychology journal articles. *Journal of Comparative and Physiological Psychology*, 55, 893-896.
- Smith, Mark K., dari Infed (2001). David a. Kolb on Experiential Learning. Dipetik pada 25 September 2012 dari <http://www.infed.org/biblio/b-explrn.htm>

